

# Suasana penuh emosi iringi pembubaran Akar

UM 21 MAY 2001  
Oleh NAZERI NONG SAMAH  
dan NORAZAH WAN CHIK

KOTA KINABALU 20 Mei — Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), parti komnonen tertua Barisan Nasional (BN) Sabah hari ini dibubarkan secara rasmi, setelah lebih 12 tahun berjuang dalam arena politik.

Ia disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN.

Majlis penuh emosi terutama kepada ahli-ahli yang menjadi perintis kepada penubuhan Akar, turut menyaksikan UMNO mendapat permohonan keahlian daripada kira-kira 30,000 orang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia, yang merupakan presiden parti itu menyerahkan borang permohonan beliau dan bekas anggota-anggota parti itu untuk menyertai UMNO kepada Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO.

Ketika mengisytiharkan pembubaran parti itu pada akhir ucapannya, Dr.

Mahathir berkata: “Dengan harapan bahawa pembubaran Akar akan menjadikan UMNO lebih kuat dan menyumbang kepada BN di Sabah, saya dengan terharu dan sedih merasmikan pembubaran Akar di Sabah ini.”

Beliau kemudian menekan punat khas di pentas utama untuk menyempurnakan majlis itu dan sejurus kemudian tertera pengisytiharan pada layar besar yang berbunyi: “Saya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan juga Presiden UMNO dengan ini mengisytiharkan pembubaran parti Akar dan seterusnya mengumumkan kemasukan ahli-ahli Akar ke dalam UMNO.”

Turut hadir pada majlis bersejarah tersebut ialah Ketua Menteri, Datuk Chone Kah Kiat; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamkd Rahmat; Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Osu Sukam.

Akar ditubuhkan sewaktu zaman **kegemilangan Parti Bersatu Sabah (PBS)** oleh 10 orang pemimpin PBS termasuk Pandikar **Amin**; **Timbalan Ketua Menteri**

PBS yang dipecat ketika itu, Datuk Mark **Koding** dan **Timbalan Menteri Buruh pusat, Kalakau** Untol.

Ia diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 16 September 1989.

Sebagai parti komponen BN yang tertua di Sabah, Akar telah mengharungi pelbagai rintangan dan cabaran sepanjang usia penubuhannya.

Menurut Pandikar **Amin**, Akar juga pernah mengalami krisis dalaman sehingga mengakibatkan parti itu hampir-hampir diharamkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

“Akar mengalami pelbagai rintangan dan cabaran termasuk kekalahan dalam beberapa pilihan raya negeri dan Parliamen.

“Dalam semua pilihan raya ‘umum tersebut, Akar cuma pernah menang satu kerusi iaitu di Tempasuk pada tahun 1994,” katanya.

Keputusan untuk membubarkan Akar dibuat hasil daripada perbahasan terperinci pada Kongres Akar pada 25 November lalu.